

**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)**

**KUNJUNGAN MENGHADAP SULTAN PERAK:
EAIC ZAHIR PANDANGAN PERKUKUH PERANAN BADAN PENGAWASAN**

***UNTUK SIARAN SEGERA
2 MAC 2026***

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berkenan menerima sembah menghadap daripada Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar, Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) di Istana Hinggap Perak, Changkat, Kuala Lumpur, hari ini.

Dalam pertemuan tersebut, EAIC telah menyembah maklum kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai kepentingan memperkukuh peranan badan pengawasan bagi memastikan keberkesanan tadbir urus dan sistem penguatkuasaan negara yang lebih telus, berakauntabiliti dan berkesan, selaras dengan jangkaan rakyat yang mahukan setiap dapatan siasatan diterjemahkan kepada tindakan yang memberi impak kepada sistem penguatkuasaan serta keyakinan awam. EAIC turut menyembah maklum mengenai perkembangan cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia sebagai usaha memperkukuh mekanisme pengawasan aduan awam dan meningkatkan kecekapan tadbir urus negara.

Menurut Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar, “EAIC komited untuk memastikan peranannya bukan sekadar sebagai mekanisme pengawasan, tetapi sebagai institusi yang memberi nilai tambah kepada rakyat, khususnya dalam memastikan setiap aduan yang diterima dapat ditangani secara bertanggungjawab dan memperkukuh akauntabiliti sistem penguatkuasaan negara.”

EAIC menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap pandangan dan peranan Institusi Diraja dalam menyokong usaha memperkukuh integriti, akauntabiliti dan kewibawaan sistem pentadbiran negara.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**